



**DASAR TVET  
NEGARA | 2030**





# DASAR TVET NEGARA | 2030

**DITERBITKAN OLEH:**  
**SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA**

Edisi Pertama, 2024  
© Hak Cipta Terpelihara.

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Sekretariat Majlis TVET Negara.

# KANDUNGAN

<b>AMANAT YAB PERDANA MENTERI</b>	<b>4</b>
<b>PERUTUSAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI</b>	<b>6</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	<b>8</b>
<b>BAB 1: PERSPEKTIF TVET</b>	
Perspektif Global	10
Perspektif Nasional	12
<b>BAB 2: EKOSISTEM TVET</b>	
Pengenalan	14
Landskap Akreditasi TVET	16
Artikulasi Program TVET	17
Majlis TVET Negara	18
Isu & Cabaran Pelaksanaan TVET	20
<b>BAB 3: DASAR TVET NEGARA</b>	
Visi & Misi	26
Objektif	27
Tujuan	28
Dasar-Dasar Utama	29
Rasional Dasar	30
Pernyataan Dasar	31
Falsafah Dasar	32
Strategi Pelaksanaan	33
<b>BAB 4: TERAS STRATEGIK, STRATEGI &amp; INISIATIF</b>	<b>35</b>
<b>BAB 5: PENUTUP</b>	<b>60</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>61</b>
<b>GLOSARI</b>	<b>63</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>64</b>



**“ Tumpuan utama Dasar  
TVET Negara 2030  
adalah untuk melahirkan  
pekerja berkemahiran  
berpendapatan tinggi ,”**

**YAB DATO'  
SERI ANWAR  
BIN IBRAHIM**

**Perdana Menteri**

# **AMANAT YAB PERDANA MENTERI**

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani.**

Kerangka Ekonomi Madani diperkenalkan oleh Kerajaan sebagai instrumen untuk menangani isu-isu sosial dan ekonomi negara secara komprehensif. Kerangka ini adalah garapan strategi menyeluruh untuk menggiatkan semula landskap ekonomi Malaysia melalui perungkaihan cabaran sedia ada, dan penumpuan kepada bidang utama untuk pertumbuhan dan daya tahan mampan. Reformasi ekonomi ini turut akan dipercepat dengan melonjakkan industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGV) yang dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Anjakan Besar dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Bagi merealisasikan komitmen tersebut, Kerajaan telah memberi tumpuan kepada pembangunan bakat tersedia masa hadapan selaras dengan keperluan industri dan perkembangan teknologi.

Justeru, Dasar TVET Negara 2030 dibangunkan sebagai garis panduan komprehensif untuk pelaksanaan TVET di Malaysia. Tumpuan utama Dasar TVET Negara 2030 ini adalah untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi.

Dasar TVET Negara 2030 menggariskan hala tuju yang jelas dalam memperkuuh pembangunan bakat dan modal insan negara. Kerajaan akan memastikan setiap strategi dan inisiatif dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dan memberi manfaat kepada rakyat melalui prospek pekerjaan berkemahiran tinggi sekaligus menjanjikan pendapatan lumayan.

**ANWAR BIN IBRAHIM**



**“ Dasar TVET Negara 2030 adalah bersifat menyeluruh dan akan menjadi sumber rujukan dalam setiap inisiatif serta pelaksanaan oleh penyedia TVET awam dan swasta serta 12 Kementerian berkaitan TVET ”**

## **YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

**Timbalan Perdana Menteri  
Merangkap Pengurus  
Majlis TVET Negara**

# **PERUTUSAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**

Penerbitan naskah Dasar TVET Negara 2030 ini amat relevan dengan langkah kerajaan untuk mentransformasi dan memperkasa TVET di negara ini. Justeru, dasar yang komprehensif perlu dibangun dan digubal bagi menjayakan hasrat meningkatkan martabat TVET seterusnya menjadi pilihan kerjaya utama di kalangan belia.

Dasar TVET Negara 2030 merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi Kerajaan dalam menentukan hala tuju TVET negara. Dasar yang telah digubal adalah bersifat menyeluruh dan akan menjadi sumber rujukan dalam setiap inisiatif yang dirancang serta dilaksanakan oleh penyedia TVET awam dan swasta serta semua Kementerian yang terlibat dengan pelaksanaan TVET. Pembangunan Dasar TVET Negara 2030 ini turut mengambil kira dasar serta polisi berkaitan dan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi memastikan keterangkuman.

Saya mengharapkan Dasar TVET Negara 2030 ini akan dimanfaatkan oleh semua pihak berkepentingan dalam menjajarkan pelaksanaan program TVET berdasarkan teras dan strategi yang dinyatakan. Semoga usaha kita akan memartabatkan TVET dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

**AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan modal insan dan ketersediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan faktor kritikal dalam memastikan pasaran buruh yang cekap dan inklusif untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara yang mampan. Selaras dengan itu, Kerajaan telah memberi penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyokong hasrat membangunkan bakat tersedia masa hadapan menepati keperluan industri yang dinamik dan secara langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

Dasar TVET Negara 2030 merupakan garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju Kerajaan dalam mencapai matlamat Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran melalui program TVET yang responsif, fleksibel dan inklusif.

Dokumen bibliografi yang digarap selari dengan dasar-dasar utama dan komitmen Kerajaan ini akan berperanan sebagai rujukan utama dan penanda aras dalam memandu institusi TVET menawar dan melaksana program TVET yang berkualiti berdasarkan keperluan industri.

Meneliti landskap TVET semasa dan cabaran teknologi baharu yang kompleks, sebanyak 5 teras strategik meliputi 23 strategi dan 67 inisiatif utama telah diperincikan dalam Dasar TVET Negara ini. Pelaksanaan Dasar TVET Negara 2030 oleh semua pemegang taruh berkaitan mencakupi teras strategik yang digariskan seperti berikut:

i. Tadbir Urus Komprehensif dan Bersinergi;

ii. Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia;

iii. Kerjasama Industri Cekap dan Produktif;

iv. Pembiayaan TVET Mampan; dan

v. TVET Pilihan Utama Kerjaya.

Dasar TVET Negara 2030 bukan hanya sebuah dokumen panduan untuk memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik. Namun, kejayaan pelaksanaan Dasar TVET Negara 2030 ini sangat signifikan untuk mengekalkan daya saing global terutama dalam bidang TVET yang bermatlamat untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi.



# BAB



## PERSPEKTIF TVET

# PERSPEKTIF GLOBAL

Kemahiran adalah aset penting kepada individu dan masyarakat dalam memacu perkembangan ekonomi sesebuah negara. Pemadanan kemahiran dengan pekerjaan merupakan keutamaan bagi memastikan modal insan yang dibangunkan dimanfaatkan sepenuhnya. Akibat krisis ekonomi global, isu ketidakpadanan kemahiran sering dibangkitkan oleh majikan yang menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja mahir yang bersesuaian berdasarkan laporan ***“Matching Skills and Labour Market Needs - Building Social Partnerships for Better Skills and Better Jobs (2014)”*** yang diterbitkan oleh World Economic Forum Global Agenda Council on Employment. Ketidakpadanan kemahiran berlaku apabila tahap dan jenis kemahiran yang dimiliki oleh pekerja tidak menepati keperluan pasaran pekerjaan termasuklah wujudnya *gap* (jurang), *overqualification* atau *underqualification*.

Justeru, sistem pendidikan dan latihan, termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), membantu melengkapkan tenaga kerja semasa dan masa hadapan dengan kemahiran yang diperlukan oleh pelbagai jenis pekerjaan termasuk usahawan. Namun secara praktikalnya kebanyakan negara berhadapan cabaran besar dalam memastikan agenda pembangunan modal insan seperti yang direncanakan.

Berdasarkan usaha sama dan perkongsian pengetahuan, pengalaman serta kepakaran oleh The World Bank, International Labour Organization (ILO) dan UNESCO, satu panduan untuk mereformasi sistem TVET telah dibangunkan melalui laporan ***“Building Better Formal TVET Systems: Principles and Practice in Low- and Middle-Income Countries (2023)”***. Dalam konteks pasaran buruh dan set kemahiran yang dinamik disebabkan oleh globalisasi, kemajuan teknologi, transformasi demografi dan perubahan iklim, program TVET yang holistik perlu dilaksanakan bagi memastikan peralihan kerja yang lancar. Memetik laporan tersebut, banyak faktor yang mempengaruhi prestasi TVET seperti akses, kualiti dan relevansi sesuatu program TVET yang ditawarkan. Kebanyakan institusi TVET hanya memberi tumpuan terhadap penyediaan kemahiran teknikal, bukan kepada perkara yang diperlukan oleh industri seperti kemahiran kognitif, digital atau keusahawanan.


Laporan tersebut turut menekankan bahawa, melalui pelaksanaan program TVET yang komprehensif, graduan TVET yang relevan dengan peluang pekerjaan semasa serta bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pekerjaan masa hadapan dapat dihasilkan. Sistem TVET yang kukuh mampu membantu negara mencapai matlamat *Sustainable Development Goals* dengan menyokong pekerjaan dan produktiviti secara mampan dan cekap.

Selain itu, UNESCO yang merupakan agensi utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam bidang pendidikan, sains, budaya serta komunikasi dan maklumat telah membangunkan "**Transforming Technical and Vocational Education and Training for Successful and Just Transitions (UNESCO Strategy 2022-2029)**". Strategi ini merupakan visi UNESCO untuk mentransformasi TVET bagi tempoh 2022 hingga 2029, dengan menggalakkan pembangunan kemahiran bagi pemerkasaan ekonomi dan mewujudkan pekerjaan produktif seterusnya menyokong peralihan kepada pendigitalan, ekonomi hijau dan masyarakat inklusif. Strategi yang digariskan ini memberi fokus dan keutamaan kepada pembangunan kemahiran bagi memastikan perkara-perkara berikut:

- i. semua individu dapat belajar dan bekerja untuk kelangsungan hidup;
- ii. ekonomi inklusif dan mampan; dan
- iii. masyarakat inklusif dan sejahtera

Strategi ini dijajar sepenuhnya dengan *The 2030 Agenda for Sustainable Development* meliputi *SDG 4 (Quality Education)*. Menjelang tahun 2030, peningkatan bilangan komuniti yang mempunyai kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional serta keusahawanan dapat dilihat dengan ketara.

**Secara global, TVET memberi tumpuan kepada penambahbaikan jurang ketidakpadanan kemahiran sama ada dengan pekerjaan semasa maupun keperluan pekerjaan masa hadapan. Strategi komprehensif dalam menangani isu ketidakpadanan kemahiran memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak berkepentingan.**



# PERSPEKTIF NASIONAL

TVET memainkan peranan signifikan dalam **membangunkan bakat tersedia masa hadapan** bagi memastikan negara tidak ketandusan bakat berkualiti untuk merealisasikan agenda besar negara. Oleh itu, Kerajaan secara berterusan memberi penekanan terhadap TVET kerana sedar akan permintaan dan keperluan industri kepada modal insan yang berkeupayaan seiring dengan peredaran teknologi yang amat pantas sama ada di peringkat nasional maupun di peringkat global. TVET menjadi **pemacu utama atau ‘game changer’ bagi melahirkan tenaga mahir tempatan** yang secara langsung akan **mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing**.

Kejayaan perancangan dan dasar komprehensif Kerajaan dalam memacu ekonomi **memerlukan dokongan modal insan berkemahiran** yang mencukupi secara berterusan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (2015-2020), TVET telah ditransformasi bagi membangunkan modal insan yang berkualiti dengan memperkuuh tadbir urus serta meningkatkan kualiti dan penyampaian program. Walau bagaimanapun, di sebalik usaha tersebut, penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi mengekang pelbagai isu dan cabaran yang menyukarkan pelaksanaan TVET di Malaysia.

Pengenalan pelan baharu seperti **Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR)** dan **Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030)** mampu mewujudkan **peluang pekerjaan berimpak tinggi** selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0, perubahan iklim dan amalan kemampanan, anjakan demografi dan globalisasi rantai nilai yang akan mengubah sifat pekerjaan dan pastinya memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir.

Terbaharu, dalam usaha mempercepat reformasi struktur ekonomi pula, Kerajaan akan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (**high-growth high value, HGHV**) meliputi lima bidang. Bidang-bidang ini merangkumi **industri berdasarkan peralihan tenaga, industri berasaskan teknologi dan digital, industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi, perindustrian dan asas tani, dan industri nadir bumi**.

**Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif bersepadan yang telah digariskan tersebut memperlihatkan momentum Kerajaan untuk memastikan pembangunan modal insan berkemahiran selaras dengan keperluan industri yang dinamik. Penekanan ini adalah bertepatan dengan fokus pelaksanaan TVET di peringkat global yang memberi tumpuan untuk menangani isu ketidakpadanan kemahiran.**



# BAB 2

## EKOSISTEM TVET

# PENGENALAN

Pendidikan dan kemahiran telah wujud secara tidak formal sejak berzaman dahulu dalam kehidupan masyarakat sebagai asas kelangsungan hidup individu merangkumi kemahiran pertanian, pertukangan kayu, kraftangan dan pelbagai kemahiran lain. Perubahan era globalisasi memberi impak besar terhadap bidang pendidikan dan kemahiran sekaligus mendesak persiapan rapi khususnya dalam memastikan agenda pembangunan modal insan negara mengikut acuan semasa.

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan. TVET menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat yang meliputi peringkat sekolah menengah, lepasan sekolah sehingga ke tenaga kerja di industri melalui latihan berdasarkan pekerjaan serta latihan berterusan dan pembangunan profesional.


Merujuk Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA) Second Edition, TVET diistilahkan sebagai ***"As an education and training process that has occupational direction with a major emphasis on industry practices. It aims to produce a competent workforce in related fields for the achievement of socio and economic objectives of the country".***

Berdasarkan definisi TVET ini, skop TVET perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

- 1 berdasarkan standard pekerjaan/industri yang diiktiraf;
- 2 mengandungi 50-70% komponen praktikal berdasarkan tahap program;
- 3 penekanan kepada elemen psikomotor dan kemahiran kerja;
- 4 menerapkan pendedahan industri (Level 1-2 MQF);
- 5 menerapkan komponen latihan industri (Level 3-6 MQF); dan
- 6 menerapkan projek berdasarkan kerja dan/ atau industri.


Pembangunan TVET secara formal di Malaysia bermula dengan dua institusi awam iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua. Sejak itu, institusi TVET telah berkembang dan sehingga Disember 2023, terdapat sejumlah 1,345 institusi TVET diseluruh negara dengan 669 institusi TVET awam, 652 institusi TVET swasta dan 24 institusi TVET di bawah Kerajaan negeri. Setelah lebih empat dekad sejak penubuhannya, TVET berpotensi untuk berkembang lebih baik selaras pertumbuhan ekonomi negara masa kini.

# GARIS MASA PERKEMBANGAN INSTITUSI TVET



Rajah 1: Garis Masa Perkembangan Institusi TVET

# LANDSKAP AKREDITASI TVET




Rajah 2: Landskap Akreditasi TVET di Malaysia

Rajah 2 menunjukkan landskap akreditasi TVET yang mana program TVET di Malaysia dikawal selia oleh dua agensi utama iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berasaskan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berdasarkan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].

Perkembangan pesat dan perubahan dalam pelaksanaan TVET telah membawa kepada kepelbagai pendekatan penyampaian serta mekanisme jaminan kualiti program yang ditawarkan oleh penyedia TVET. Usaha untuk mengharmonikan sistem jaminan kualiti yang pelbagai kepada Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET telah dimulakan dengan semakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), yang mana sektor kemahiran dan sektor vokasional dan teknikal digabungkan ke dalam sektor TVET. Dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* (COPTPA) telah diwujudkan sebagai garis panduan dalam pengoperasian Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

# ARTIKULASI GRADUAN TVET



## Petunjuk

- Laluan akademik
- Laluan TVET

↑ Lintasan antara  
laluan TVET dan akademik

**SKM** = Sijil Kemahiran Malaysia

**SVM** = Sijil Vokasional Malaysia

**DKM** = Diploma Kemahiran Malaysia

**DVM** = Diploma Vokasional Malaysia

**DLKM** = Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia

**MTUN** = Malaysia Technical University Network

**Rajah 3: Laluan Pendidikan di Malaysia**

Rajah 3 menunjukkan laluan pendidikan di Malaysia yang merangkumi laluan akademik dan TVET. Laluan artikulasi graduan TVET telah ditambahbaik melalui Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang diperkenalkan pada tahun 2019. Melalui Prinsip Artikulasi TVET, Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET menambah fleksibiliti laluan pendidikan graduan dalam bidang TVET sehingga ke tahap tertinggi kelayakan dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), memperkuat reputasi bidang TVET agar setanding dengan akademik. Secara prinsipnya, lepasan TVET layak untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, namun tertakluk kepada syarat khusus yang ditetapkan oleh Senat setiap Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).




## **MAJLIS PENDIDIKAN & LATIHAN TEKNIKAL & VOKASIONAL NEGARA (MTVET)**

Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara (MTVET) telah ditubuhkan pada 18 Disember 2020 melalui Memorandum daripada Menteri Pendidikan Tinggi bertujuan untuk menyelaras ekosistem TVET yang terdiri daripada kementerian berkaitan TVET, institusi TVET awam dan swasta serta industri. MTVET juga berperanan sebagai badan tertinggi yang membuat keputusan bagi hala tuju TVET negara. MTVET pada ketika itu telah menggariskan tiga (3) teras utama dalam Agenda Pemerkasaan TVET Negara iaitu Tadbir Urus Bersepadu dan Terselaras, TVET Dipacu Industri dan TVET Mencorak Masa Hadapan. Menerusi kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat, MTVET ini diyakini mampu menjadi platform terbaik untuk merencana agenda TVET dan seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan untuk memperkasa dan membawa TVET negara ke satu tahap yang lebih tinggi.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Disember 2022 telah memutuskan agar Sekretariat MTVET di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dipindahkan ke Kementerian Sumber Manusia. Struktur baharu MTVET yang lebih ringkas dan jelas telah diluluskan bagi memastikan pengoperasian MTVET dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya berkesan dalam melaksanakan agenda transformasi TVET negara secara lebih komprehensif dan berfokus. Struktur baharu tadbir urus MTVET terdiri daripada dua (2) peringkat, iaitu Majlis TVET Negara dan *High-Level Committee* (HLC) MTVET. HLC MTVET antara lain bertanggungjawab menilai dan memperaku cadangan strategi serta inisiatif agenda memperkasa TVET seterusnya melaporkan status pelaksanaan kepada MTVET. Struktur MTVET adalah seperti di Rajah 4.

# MAJLIS PENDIDIKAN & LATIHAN TEKNIKAL & VOKASIONAL NEGARA (MTVET)



Rajah 4: Struktur MTVET

# ISU & CABARAN PELAKSANAAN TVET

Dalam memastikan agenda pemerkasaan TVET negara dapat direalisasikan, pelbagai usaha telah dilaksanakan khususnya bagi mencapai matlamat meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Bagi memperkuuh pelaksanaan TVET tersebut, isu dan cabaran telah dikenalpasti daripada beberapa kajian terdahulu yang memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:



# ISU & CABARAN PELAKSANAAN TVET



Pelaksanaan TVET merentasi pelbagai Kementerian/ Agensi/ Kerajaan Negeri menyebabkan wujudnya **ketidakselarasan** terutama dari segi peranan dan tanggungjawab serta pengoperasian. **Pertindihan fungsi dan skop** dalam pengendalian program TVET ini juga merupakan antara topik penting yang turut dibangkitkan oleh masyarakat hari ini. Selain itu, data penawaran program TVET juga dikawal selia oleh pelbagai Kementerian yang menjalankan program TVET. **Keterbatasan penyelarasan pengumpulan data** menyebabkan landskap TVET yang sebenar sukar untuk dilihat dan mengakibatkan perancangan, unjuran serta analisis berkaitan TVET yang dihasilkan terhad.



Kualiti program dan graduan TVET sering menjadi perhatian umum selama ini. Oleh itu, usaha untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi perlu meliputi pelbagai aspek termasuklah reka bentuk, penyampaian dan kajian semula kurikulum TVET. Pemain industri berpandangan bahawa **kurikulum TVET sedia ada perlu selari dengan keperluan industri** bagi menangkis persepsi negatif terhadap program TVET tempatan. Tambahan pula, penerimaan dan pelaksanaan **Sistem Jaminan Kualiti Tunggal Program TVET masih di peringkat awal dan belum menyeluruh** menyebabkan wujudnya perbezaan yang menimbulkan kekeliruan berhubung kualiti dan pensijilan TVET.

Selain itu, ekosistem TVET seharusnya memberi penekanan yang sewajarnya kepada peningkatan kemahiran pengajar TVET. **Jurang pengetahuan dan pengalaman industri tenaga pengajar TVET** ini menyebabkan kualiti pengajaran tidak selari dengan keperluan industri.

# ISU & CABARAN PELAKSANAAN TVET



Ekosistem TVET negara perlu berubah sesuai dengan peredaran masa dan perkembangan teknologi masa kini. Evolusi ini sangat signifikan dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran selaras dengan keperluan industri. Khazanah Research Institute (KRI) melaporkan bahawa wujudnya ketidakpadanan di antara permintaan industri dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan TVET akibat **penglibatan dan kerjasama industri yang tidak menyeluruh**. Selain itu, **tiada peruntukan undang-undang atau polisi khusus** bagi memastikan keterlibatan industri dalam pelaksanaan TVET meliputi pembangunan kurikulum serta perkongsian kepakaran dan teknologi.



Pembentukan TVET berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti **input belanjawan secara berpusat, birokrasi, tiada penyeragaman yuran serta bergantung sepenuhnya kepada dana Kerajaan**. **Agihan pembentukan** adalah berdasarkan rekod perbelanjaan dan enrolmen pelajar bagi tahun-tahun sebelum **tanpa mengira prestasi sebenar** sesebuah institusi itu sendiri. Kesan kepada kedudukan kewangan dan ekonomi negara yang dinamik bergantung kepada pelbagai faktor seperti pelaburan, kutipan cukai dan perubahan politik menyebabkan pengurangan pembentukan kepada institusi TVET. Jika ini berlaku, institusi TVET dijangka akan menghadapi kesukaran dalam merencana pengoperasian pada masa akan datang.


# ISU & CABARAN PELAKSANAAN TVET



Sehingga kini, **tiada jenama tunggal** yang digunakan secara bersama dalam mempromosikan program TVET. Pelaksanaan program TVET di pelbagai Kementerian/Agensi menyebabkan **ketidakselarasan aktiviti promosi** yang menyebabkan wujudnya pelbagai imej TVET dan hanya memfokuskan identiti TVET oleh agensi masing-masing. Kepelbagaian penjenamaan TVET yang digunakan merentasi Kementerian/Agensi ini menimbulkan kekeliruan masyarakat tentang kewujudan sistem atau jenama TVET itu sendiri.

Secara umumnya, penyertaan dalam bidang TVET masih rendah berbanding sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan kerana TVET masih dianggap pilihan kedua yang hanya diceburi oleh individu yang kurang kecenderungan akademik. Bukan itu sahaja, bidang TVET juga dianggap **tidak berpotensi untuk mendapat peluang kerjaya menarik dengan gaji rendah**.

Selain itu, kejayaan yang dicapai oleh graduan TVET **kurang mendapat liputan** pihak media dan **tidak diumumkan** oleh mana-mana platform. Oleh itu, kisah kejayaan bidang TVET dalam membina kerjaya yang cemerlang **tidak berjaya mempengaruhi masyarakat** dalam membuat pilihan.



# BAB

# 3

## DASAR TVET NEGARA

# **VISI**

**MALAYSIA KE ARAH  
NEGARA MAJU  
BERPAKSIKAN MODAL  
INSAN BERKEMAHIRAN**

# **MISI**

**TVET MALAYSIA YANG  
RESPONSIF, FLEKSIBEL  
DAN INKLUSIF**

# OBJEKTIF

Sebagai garis panduan dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran bagi memenuhi keperluan industri seperti yang digariskan dalam New Industrial Master Plan (NIMP) 2030, National Energy Transition Roadmap (NETR), Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Sustainable Development Goals (SDG) serta dasar-dasar semasa yang berkaitan agar perkara-perkara berikut dapat direalisasikan:

- Latihan dan pendidikan yang relevan dengan pekerjaan semasa dan masa hadapan bagi memastikan ketersediaan graduan ke alam pekerjaan dengan pendapatan yang tinggi dapat disediakan
- Program TVET berimpak tinggi dalam bidang-bidang kritikal dibangunkan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pelbagai bidang
- Industri yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi dibekalkan dengan tenaga kerja berkualiti yang diperlukan khususnya bagi bidang-bidang berikut;
  - a. **industri berdasarkan peralihan tenaga;**
  - b. **industri berdasarkan teknologi dan digital;**
  - c. **industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi;**
  - d. **pertanian dan industri asas tani; dan**
  - e. **industri nadir bumi.**
- Persekutuan yang kondusif dan membolehkan pembangunan serta penyampaian perkhidmatan berkualiti bagi sektor TVET untuk melahirkan pekerja yang berdaya saing di peringkat global dapat diwujudkan
- Keperluan tenaga kerja bagi sektor asas untuk mencapai kesaksamaan sosial dan keterangkuman ekonomi dapat dipenuhi termasuk pemerkasaan elemen keusahawanan



## TUJUAN

Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030 merupakan satu usaha untuk menyelaras pelaksanaan program TVET di Malaysia. Dasar ini mengambil kira dasar sedia ada yang berkaitan seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pendidikan Tinggi Nasional serta Akta-akta sedia seperti Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652], Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]. Dasar ini bertujuan untuk dijadikan garis panduan dalam pengurusan pelaksanaan program TVET di Malaysia.

Dasar TVET Negara 2030 ini telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis TVET Negara Bil 1/2024 pada 23 Januari 2024 dan diluluskan oleh Jemaah Menteri menerusi Memorandum Jemaah Menteri pada 29 Mac 2024.

# DASAR-DASAR UTAMA

Penggubalan Dasar TVET Negara adalah berlandaskan kepada dasar-dasar utama serta komitmen Malaysia seperti berikut:



## New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030)

NIMP 2030 merupakan dokumen yang menggariskan hala tuju Malaysia dalam mendepani transformasi perindustrian menjelang tahun 2030. NIMP 2030 telah menggariskan visi yang jelas bagi memastikan pertumbuhan mampan sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan termasuklah melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi melalui pewujudan peluang pekerjaan berasaskan inovasi serta penciptaan pekerjaan bernilai tinggi seterusnya mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Dasar TVET Negara dibangunkan selaras dengan matlamat pembangunan NIMP 2030 terutama bagi mengatasi isu ketidakpadanan kemahiran (*skills mismatch*) dan kekurangan bakat (*talent shortage*) melalui strategi yang komprehensif dalam membangunkan kompetensi bagi pekerjaan masa hadapan.

## National Energy Transition Roadmap (NETR)

Pertumbuhan hijau selaras dengan ketahanan iklim (*climate resilience*) merupakan inisitif utama yang menyokong Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang telah diperkenalkan pada tahun 2023.

Oleh itu, Dasar TVET Negara turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan dalam aspek peralihan tenaga dan kemahiran hijau (*green skills*).

## Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12)

Pendidikan berkualiti dan berfokus adalah penting agar bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, penumpuan diberikan untuk mereformasi sistem pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan memanfaatkan teknologi baharu bagi mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang digariskan dalam KSP RMKe-12.

Selaras dengan itu, Dasar TVET Negara dibangunkan bagi merealisasikan hasrat mempertingkat ekosistem TVET secara lebih holistik.

## Sustainable Development Goals (SDG)

Bagi memastikan pembangunan modal insan yang responsif, fleksibel dan inklusif, pembangunan Dasar TVET Negara turut mengambil kira matlamat pembangunan mampan seperti yang digariskan dalam *the 2030 Agenda for Sustainable Development* meliputi *SDG 4 (Quality Education)* yang menasarkan pendidikan inklusif dan berkualiti kepada semua. Selain itu, ia turut mengambil kira sasaran *SDG 8 (Decent Work & Economic Growth)* yang memberi penekanan kepada penciptaan pekerjaan, keusahawanan, kreativiti dan inovatif.

# RASIONAL DASAR

Pelaksanaan program TVET oleh pelbagai institusi TVET awam dan swasta yang semakin berkembang susulan penekanan yang diberi oleh Kerajaan. Oleh itu, satu mekanisme yang selaras dan seragam diperlukan bagi tadbir urus, pengurusan pembiayaan dan kewangan, kawalan kualiti dan pengiktirafan, kerjasama strategik serta ketampakan dan kebolehcapaian TVET dikalangan masyarakat.

Berdasarkan perkembangan tersebut, satu dasar yang komprehensif diperlukan bagi memastikan pemerkasaan TVET dapat dicapai secara holistik. Dasar TVET Negara ini akan berperanan sebagai rujukan dalam memandu institusi TVET menawar dan melaksana program TVET yang berkualiti berdasarkan keperluan industri.

# PERNYATAAN DASAR

Dasar TVET Negara 2030 memberi penekanan kepada perkara-perkara berikut:

**D**

meningkatkan kualiti latihan dan kemahiran menujurus kepada kemenjadian graduan TVET dan kepada kompetensi, fleksibiliti dan kedinamikan tenaga pengajar TVET

**A**

menyediakan tenaga kerja yang berkelayakan, fleksibel, berfikiran kreatif, mahir dan terlatih serta mempunyai nilai murni bagi memenuhi keperluan perindustrian dan pemodenan negara;

**B**

meningkatkan penyertaan dalam program TVET di kalangan kumpulan sasar meliputi pra pekerjaan, latihan semula (*reskilling*), peningkatan latihan (*upskilling*) dan pembelajaran sepanjang hayat;

**C**

mengupayakan institusi dan sistem TVET negara agar perlu terus kekal relevan dan kompetitif dalam pasaran kerja seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing; dan

**PERNYATAAN  
DASAR**


## FALSAFAH DASAR

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia merupakan satu usaha berterusan ke arah pembangunan modal insan berkemahiran tinggi menerusi proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan. Usaha ini adalah bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang holistik dengan memiliki kompetensi dalam aspek teknikal, insaniah dan nilai sosial serta metodologi dan pembelajaran.

# STRATEGI PELAKSANAAN

Dasar TVET Negara 2030 akan dilaksanakan melalui 5 teras strategik dan disokong oleh 23 strategi pelaksanaan seperti berikut:





# BAB

# IV

## TERAS STRATEGIK, STRATEGI & INISIATIF

# TADBIR URUS KOMREHENSIF DAN BERSINERGI

## TERAS A



Pelaksanaan TVET di Malaysia sehingga kini diterajui oleh sejumlah 1,345 penyedia latihan yang terdiri daripada 669 buah penyedia latihan awam dan 652 penyedia latihan swasta dengan pelbagai kaedah penyampaian dan pensijilan yang digunakan. Pengoperasian institusi TVET tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang yang berbeza mengikut Kementerian atau agensi pelaksana.

Oleh itu, persamaan, jurang dan ketidakselarasan antara Kementerian perlu diharmoni dan ditangani bagi menambahbaik ekosistem TVET. Koordinasi yang baik adalah diperlukan agar hala tuju, strategi dan inisiatif pemantapan TVET dapat dilaksanakan dengan bersepada dan berkesan. Model tadbir urus yang kukuh diperlukan untuk mengemudi ekosistem TVET dengan lebih berkesan dan realistik sejajar dengan aspirasi pembangunan modal insan secara holistik.

**01**

## **STRATEGI A1: Mengkoordinasi tadbir urus penyedia TVET**

Inisiatif Utama:

- A1.1 Pemerkasaan Majlis TVET Negara sebagai agensi pusat bagi penyelarasan dan kawal selia TVET

**02**

## **STRATEGI A2: Membangunkan polisi atau dasar ekosistem TVET**

Inisiatif Utama:

- A2.1 Pembangunan Dasar TVET Negara
- A2.2 Pewujudan Akta TVET Negara atau pindaan kepada Akta-Akta berkaitan sedia ada terutama untuk memastikan penglibatan industri serta badan pelesenan dan pekerjaan (seperti Suruhanjaya Tenaga, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan) untuk penetapan kompetensi
- A2.3 Pembangunan indeks kompetensi nasional

**03**

## **STRATEGI A3: Membangunkan platform digital perkongsian data**

Inisiatif Utama:

- A3.1 Pembangunan Data Raya TVET
  - sebagai Pusat data TVET yang lengkap
  - pengintegrasian dengan platform kerjaya
  - pengumpulan data penawaran dan permintaan untuk kajian atau rujukan industri – analisis unjuran/trend
- A3.2 Pembangunan sistem permohonan TVET berpusat
- A3.3 Penyediaan polisi perkongsian data TVET

**04**

## **STRATEGI A4:** **Memperluas akses kepada program TVET**

Inisiatif Utama:

- A4.1 Peningkatan penyertaan Bumiputera dalam bidang utama TVET
- A4.2 Peningkatan penyertaan golongan rentan, pelajar Tahfiz dan lain-lain
- A4.3 Pengenalan dan pelaksanaan program TVET pada usia lebih awal

**05**

## **STRATEGI A5:** **Mewujudkan *decentralised model* bagi memberi mandat atau tanggungjawab bersama kepada kerajaan negeri/ koridor ekonomi dalam membangunkan modal insan**

Inisiatif Utama:

- A5.1 Pewujudan badan penyelarasan TVET di peringkat pusat dan peringkat negeri
- A5.2 Pengumpulan data penawaran dan permintaan guna tenaga kerja mengikut keperluan sebenar setiap negeri



## TADBIR URUS KOMREHENSIF DAN BERSINERGI

### KEBERHASILAN

Tadbir urus yang mampan dan terselaras berupaya mendorong pelaksanaan TVET dengan lebih berkesan terutamanya berkaitan isu kawal selia dan pemantauan serta penyelarasan data dan maklumat TVET. Sehubungan itu, dengan wujudnya ekosistem TVET lebih bersepadan mampu melonjakkan keberhasilan modal insan berkemahiran.

# KUALITI DAN LALUAN PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA

## TERAS B

Dalam konteks akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia mengawal selia program TVET berdasarkan Akta Agensi Kelayakan Malaysia [Akta 679] manakala Jabatan Pembangunan Kemahiran pula berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]. Mobiliti pelajar bagi menyambung pendidikan TVET di institusi di bawah sistem akreditasi yang berbeza adalah terhad. Laluan pendidikan yang fleksibel dilihat mampu menyokong aspirasi pembelajaran sepanjang hayat sekaligus memenuhi keperluan ekonomi dan perubahan teknologi yang pesat.

- 01 Melaksanakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal program TVET
- 02 Menyelaras penawaran dan pelaksanaan program TVET berdasarkan hala tuju ekonomi negara
- 03 Membangunkan kurikulum TVET yang dinamik dan responsif berteraskan keperluan industri
- 04 Meningkatkan kualiti tenaga pengajar
- 05 Meningkatkan kualiti penyampaian program
- 06 Meningkatkan kualiti dan pengiktirafan persijilan bagi memenuhi keperluan industri
- 07 Menambahbaik artikulasi TVET ke peringkat lebih tinggi
- 08 Meningkatkan kebolehkerjaan (*employability*) dan mobiliti graduan TVET

Oleh itu, bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti, langkah strategik perlu diambil untuk memastikan peningkatan kebolehpasaran graduan melalui penambahan kompetensi tertentu yang boleh memberi kelebihan dan berdaya saing. Kurikulum berfokuskan industri menekankan keseimbangan pengetahuan teknikal dan kemahiran insaniah berpaksikan kepada kaedah penyampaian moden dan berdasarkan teknologi. Strategi ini bertujuan untuk memacu penyertaan industri dalam pembangunan kurikulum TVET

**01**

## **STRATEGI B1: Melaksanakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal program TVET**

Inisiatif Utama:

- B1.1 Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal program TVET secara menyeluruh
- B1.2 Semakan dan penambahbaikan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal program TVET secara berterusan
- B1.3 Pelaksanaan Sistem Penarafan Tunggal TVET

**02**

## **STRATEGI B2: Menyelaras penawaran dan pelaksanaan program TVET berdasarkan hala tuju ekonomi negara**

Inisiatif Utama:

- B2.1 Pelaksanaan rasionalisasi dan konsolidasi program TVET
- B2.2 Penawaran program-program baharu berdasarkan lima bidang tujuan *High Growth High Value* (HGHV)
- B2.3 Penetapan mekanisme untuk menilai permohonan penawaran program baharu

**03**

## **STRATEGI B3: Membangunkan kurikulum TVET yang dinamik dan responsif berteraskan keperluan industri**

Inisiatif Utama:

- B3.1 Pembangunan analisa dan kerangka pekerjaan
- B3.2 Pembangunan *Occupational Industry Standard Practice* (OISP)
- B3.3 Penambahbaikan mekanisme pembangunan kurikulum TVET

**04**

## **STRATEGI B4:** **Meningkatkan kualiti tenaga pengajar**

Inisiatif Utama:

- B4.1 Pembangunan dasar/ rangka kerja latihan tenaga pengajar
- B4.2 Peluasan peluang kepada pengajar TVET untuk peningkatan kompetensi bersama industri dan pengiktirafan profesional tenaga pengajar
- B4.3 Penyertaan pengamal industri sebagai tenaga pengajar TVET

**05**

## **STRATEGI B5:** **Meningkatkan kualiti penyampaian program**

Inisiatif Utama:

- B5.1 Penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran TVET (bahan rujukan, bahan pengajaran dan pembelajaran, infrastruktur, peralatan dan bahan latihan)
- B5.2 Peluasan pelaksanaan latihan berdasarkan industri
- B5.3 Pemerkasaan pembelajaran digital menerusi konsep *blended learning*

**06**

## **STRATEGI B6:** **Meningkatkan kualiti dan pengiktirafan persijilan bagi memenuhi keperluan industri**

Inisiatif Utama:

- B6.1 Pelaksanaan persijilan profesional dan persijilan industri
- B6.2 Pengiktirafan persijilan bagi program TVET oleh badan profesional, industri dan agensi berkaitan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

**07**

## **STRATEGI B7:** **Menambahbaik artikulasi TVET ke peringkat lebih tinggi**

Inisiatif Utama:

- B7.1 Penyelarasan syarat kemasukan termasuk pemindahan kredit

**08**

## **STRATEGI B8:** **Meningkatkan kebolehkerjaan (*employability*) dan mobiliti graduan TVET**

Inisiatif Utama:

- B8.1 Peningkatan kemahiran insaniah dan nilai sosial termasuk elemen integriti dan anti rasuah
- B8.2 Peningkatan program *place and train*
- B8.3 Peningkatan hubungan dan kerjasama antarabangsa
- B8.4 Penggalakkan dan pemerkasaan program keusahawanan
- B8.5 Pemerkasaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), *reskilling* dan *upskilling*

# **KUALITI DAN LALUAN PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA**

## **KEBERHASILAN**

Graduan TVET berkualiti dapat dihasilkan melalui keseluruhan ekosistem TVET yang efektif merangkumi ketersediaan institusi/penyedia TVET yang cekap, tenaga pengajar yang kompeten serta kurikulum dan penyampaian program berfokuskan industri. Penglibatan semua pihak berkepentingan berupaya memacu kualiti program TVET bertaraf dunia.



# KERJASAMA INDUSTRI CEKAP DAN PRODUKTIF

**TERAS C**

**01**

Menggalakkan perkongsian kepakaran dan teknologi terkini antara industri dan penyedia latihan TVET

**02**

Memperluas insentif khas bagi menggalakkan penglibatan industri

**03**

Mewujudkan peruntukan undang-undang atau polisi bagi memastikan keterlibatan industri dalam pelaksanaan TVET

Lanskap TVET secara keseluruhan perlu responsif terhadap pasaran pekerjaan. Justeru, penglibatan secara langsung pihak industri dalam pelaksanaan program TVET yang berfokus turut menjadi keutamaan Kerajaan dalam usaha mengatasi isu ketidakpadanan (*mismatch*). Kepakaran industri dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan kurikulum dan rekabentuk penyampaian latihan juga peningkatkan kemahiran tenaga pengajar.

Sehubungan itu, kerjasama tripartite (Kerajaan, institusi TVET dan industri) akan dipertingkat untuk menyokong kecemerlangan program TVET berdasarkan keperluan sektor dan kemahiran setempat. Hubungan erat di antara sektor awam dan swasta membolehkan penyaluran maklumat yang berkesan seterusnya menjadikan industri sebagai rakan strategik dalam melahirkan bakat dan kemahiran yang signifikan dengan kehendak pasaran.

**01**

## **STRATEGI C1:** **Menggalakkan perkongsian kepakaran dan teknologi terkini antara industri dan penyedia latihan TVET**

Inisiatif Utama:

- C1.1 Pemeteraian kerjasama meliputi pelbagai skop berkaitan
- C1.2 Pembentukan industri di kampus - industri boleh wujudkan ruang dan peralatan di pusat latihan untuk perkongsian kepakaran

**02**

## **STRATEGI C2:** **Memperluas insentif khas bagi menggalakkan penglibatan industri**

Inisiatif Utama:


- C2.1 Perkuuh inisiatif pelepasan cukai atau levi dan insentif khas kepada industri
- C2.2 Pemberian merit pengiktirafan kepada penglibatan industri

**03**

## **STRATEGI C3:** **Mewujudkan peruntukan undang-undang atau polisi bagi memastikan keterlibatan industri**

Inisiatif Utama:

- C3.1 Pembangunan polisi berkaitan pengambilan pekerja, penetapan gaji, latihan, penetapan lesen kompeten untuk pekerjaan tertentu
- C3.2 Pembangunan polisi atau peruntukan undang-undang bagi memastikan penglibatan industri dalam pelaksanaan TVET
- C3.3 Pemerkasaan penglibatan industri melalui Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC), TVET Collaboration Hub (TCH)/ Centre of Excellent (COE) serta Badan Peneraju Industri (ILB)
- C3.4 Perkuuh penglibatan badan kawal selia industri dalam pelaksanaan TVET
- C3.5 Perkuuh penglibatan/kerjasama industri-akademia dalam pelaksanaan penyelidikan/kajian berkaitan



## KERJASAMA INDUSTRI CEKAP DAN PRODUKTIF

### KEBERHASILAN

Jalinan kerjasama strategik dengan pihak industri berupaya mengoptimumkan kepakaran dan teknologi terkini dalam memenuhi hasrat pelaksanaan TVET dipacu industri. Kerjasama yang kukuh ini seterusnya dapat memastikan padanan antara penawaran dengan permintaan (*demand and supply*) dalam membantu institusi TVET menyediakan keperluan kursus-kursus berteras industri berteknologi tinggi berdasarkan kepada kehendak industri.

# PEMBIAYAAN TVET MAMPAN



Pembiayaan merupakan salah satu tunjang utama dalam memastikan kelancaran operasi pelaksanaan TVET. Pelaksanaan program TVET memperuntukkan perbelanjaan tinggi dalam penyediaan infrastruktur dan keperluan latihan termasuklah bagi peningkatan kemahiran tenaga pengajar. Pada masa kini, pengoperasian institusi TVET dilihat terlalu bergantung kepada dana Kerajaan.

Oleh itu, model pembiayaan yang optimum perlu diperhalusi bagi memastikan kelestarian peruntukan dana TVET. Pelbagai sumber dana alternatif perlu diteroka dan dimanfaatkan seterusnya membolehkan peruntukan dana TVET dilaksanakan secara telus dan holistik bagi mewujudkan budaya dipacu prestasi.

**01**

## **STRATEGI D1: Membangunkan model pembiayaan yang mampan**

Inisiatif Utama:

- D1.1 Perluasan skop pembiayaan mencakupi program TVET yang berkaitan
- D1.2 Penyelarasan kadar yuran program TVET
- D1.3 Penambahbaikan model kutipan bayaran balik pinjaman
- D1.4 Pembiayaan oleh Yayasan/ Pertubuhan/ Badan Bukan Kerajaan (NGO)/ Bank

**02**

## **STRATEGI D2: Memperuntukkan pembiayaan berasaskan prestasi daripada kerajaan untuk merangsang penyedia TVET**

Inisiatif Utama:

- D2.1 Pembiayaan berdasarkan kepada prestasi penarafan tunggal program TVET
- D2.2 Semakan semula dasar pembiayaan TVET

**03**

## **STRATEGI D3: Membangunkan model operasi yang mampan – institusi**

Inisiatif Utama:

- D3.1 Pelbagai sumber pendapatan – pelaksanaan kursus jangka pendek, geran padanan dan pembiayaan industri
- D3.2 Penambahbaikan dasar berkaitan sumbangan peralatan
- D3.3 Pemberian autonomi kepada institusi TVET untuk menjana pendapatan

## **PEMBIAYAAN TVET MAMPAK**

### **KEBERHASILAN**

Kerangka pembiayaan yang komprehensif dapat memastikan akses kepada program TVET yang berkualiti direalisasikan secara berterusan. Penciptaan dan penjanaan sumber pendapatan baharu mampu menampung perbelanjaan pelaksanaan TVET tanpa mempengaruhi kualiti program yang ditawarkan.



# TVET PILIHAN UTAMA KERJAYA

**TERAS  
E**

**01**

Menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi TVET yang berimpak tinggi

**02**

Membina jenama TVET kebangsaan tunggal

**03**

Memantapkan imej TVET

**04**

Memperkasa peranan kaunselor dan mewujudkan *career guidance*

Keterlihatan dan persepsi positif dilihat mampu memacu minat dan penerimaan masyarakat terhadap bidang TVET. Persepsi dan stigma negatif bidang TVET yang sering disalah erti sebagai pilihan kedua telah berjaya ditangkis yang mana graduan TVET kian mendapat perhatian daripada majikan. Peluang dan prospek kerjaya TVET perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman jelas kepada masyarakat.

Justeru, bagi meningkatkan akses kepada TVET yang berkualiti, imej TVET perlu ditambah baik dan diperkuuh melalui promosi yang berkesan untuk meningkatkan daya tarikan ke arah bidang TVET.

**01**

## **STRATEGI E1:** **Menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi TVET yang berimpak tinggi**

Inisiatif Utama:

- E1.1 Pewujudan pelan komunikasi TVET
  - Adaptasi trend dan teknologi tekini (media sosial, pempengaruh)
  - Fokus kepada kumpulan sasar berdasarkan bidang
- E1.2 Perluas promosi di sekolah rendah dan sekolah menengah

**02**

## **STRATEGI E2:** **Membina jenama TVET kebangsaan tunggal**

Inisiatif Utama:

- E2.1 Penggunaan logo, slogan, jenama dan garis panduan yang sama
- E2.2 Penjenamaan semula nama profesi bagi peningkatan status sosial

**03**

## **STRATEGI E3:** **Memantapkan imej TVET**

Inisiatif Utama:

- E3.1 Pelaksanaan Sambutan Hari TVET negara
- E3.2 Perluasan pelaksanaan pertandingan kemahiran
- E3.3 Penganugerahan Ikon/tokoh mahir negara
- E3.4 Hebahan kisah kejayaan dalam kerjaya dan keusahawanan
- E3.5 Penetapan gaji bersesuaian dengan tahap kemahiran/ berdasarkan kompetensi
- E3.6 Pembudayaan aktiviti inovasi dan pengkomersilan produk TVET

04

## STRATEGI E4: Memperkasa peranan kaunselor dan mewujudkan *career guidance*

Inisiatif Utama:


- E4.1 Pembangunan pelan bimbingan kerjaya
- E4.2 Pelantikan pengamal pakar sebagai pembimbing kerjaya
- E4.3 Pewujudan kaunselor maya
- E4.4 Pemeriksaan peranan kaunselor kepada komuniti setempat

## **TVET PILIHAN UTAMA KERJAYA**

### **KEBERHASILAN**

Melalui strategi yang komprehensif, imej TVET terus diperkuat dan menjadi laluan kerjaya pilihan yang utama. Ia bukan hanya tertumpu kepada peluang dan penempatan pekerjaan sahaja, malah bidang TVET juga menawarkan gaji setimpal dengan tahap kemahiran/kompetensi individu.





<b>VISI</b>	MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU	
<b>MISI</b>	TVET MALAYSIA YANG RESPONSIIF,	
<b>TERAS STRATEGIK</b>	<p>A. TADBIR URUS KOMPREHENSIF DAN BERSINERGI</p>	<p>B. KUALITI DAN LALUAN PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA</p>
<b>STRATEGI</b>	<p>A1. Mengkoordinasi tadbir urus TVET</p> <p>A2. Membangunkan polisi atau dasar ekosistem TVET</p> <p>A3. Membangunkan platform digital perkongsian data</p> <p>A4. Memperluas akses kepada program TVET</p> <p>A5. Mewujudkan <i>decentralised</i> model bagi memberi mandat atau tanggungjawab bersama kepada kerajaan negeri/ koridor ekonomi dalam membangunkan modal insan</p>	<p>B1. Melaksanakan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal program TVET</p> <p>B2. Menyelaras penawaran dan pelaksanaan program TVET berdasarkan hala tuju ekonomi negara</p> <p>B3. Membangunkan kurikulum TVET yang dinamik dan responsif berteraskan keperluan industri</p> <p>B4. Meningkatkan kualiti tenaga pengajar</p> <p>B5. Meningkatkan kualiti penyampaian program</p> <p>B6. Meningkatkan kualiti dan pengiktirafan persijilan bagi memenuhi keperluan industri</p> <p>B7. Menambahbaik artikulasi TVET ke peringkat lebih tinggi</p> <p>B8. Meningkatkan kebolehkerjaan (<i>employability</i>) &amp; mobiliti graduan TVET</p>

# KERANGKA DASAR TVET NEGARA 2030

## BERPAKSIKAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

### FLEKSIBEL DAN INKLUSIF

#### C. KERJASAMA INDUSTRI CEKAP DAN PRODUKTIF


- C1. Menggalakkan perkongsian kepakaran dan teknologi terkini antara industri dan penyedia latihan TVET
- C2. Memperluas incentif khas bagi menggalakkan penglibatan industri
- C3. Mewujudkan peruntukan undang-undang atau polisi bagi memastikan keterlibatan industri

#### D. PEMBIAYAAN TVET MAMPAN

- D1. Membangunkan model pembiayaan yang mampan
- D2. Memperuntukkan pembiayaan berdasarkan prestasi daripada kerajaan untuk merangsang penyedia TVET
- D3. Membangunkan model operasi yang mampan institusi

#### E. TVET PILIHAN UTAMA KERJAYA

- E1. Menyelaras pelaksanaan aktiviti promosi TVET yang berimpak tinggi
- E2. Membina jenama TVET kebangsaan tunggal
- E3. Memantapkan imej TVET
- E4. Memperkasa peranan kaunselor & mewujudkan *career guidance*



# BAB

# 5

# PENUTUP

# PENUTUP


Dasar TVET Negara 2030 merupakan garis panduan komprehensif yang menetapkan aspirasi dan hala tuju Kerajaan bagi memastikan penyelarasan pelaksanaan TVET secara holistik bagi tempoh sehingga tahun 2030 yang mana Dasar TVET Negara ini akan dilaksana bermula tahun 2024. Kejayaan pelaksanaan Dasar TVET Negara ini sangat signifikan untuk mengekalkan daya saing global terutama dalam bidang TVET yang bermatlamat untuk melahirkan pekerja berkemahiran dengan pendapatan tinggi.

Dasar TVET Negara ini menggariskan kepentingan kerjasama kolektif di antara Kerajaan, institusi TVET awam dan swasta serta industri dalam memacu pembangunan modal insan negara. Dasar TVET Negara sekaligus mampu memangkin pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial, meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memastikan masa depan yang sejahtera untuk generasi akan datang.

# RUJUKAN

1. Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679]
2. Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]
3. Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768]
4. ASEAN-ROK Technical and Vocational Education and Training Mobility (TEAM) Programme – Component 1: ‘Enhancing the Competitiveness of Human Resources through Responsive TVET Curriculum Supported by Involvement of Industries and Labor Market Information’ Country Report: Malaysia, Jakarta, ASEAN Secretariat, July 2022.
5. Building Better Formal TVET Systems: Principles and Practice in Low- and Middle-Income Countries (World Bank, ILO & UNESCO, 2023)
6. Code of Practice for TVET Programme Accreditation Second Edition (Agensi Kelayakan Malaysia, 2020)
7. Dasar Pendidikan Digital (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023)
8. Dasar Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012)
9. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2021)
10. Hawati Abdul Hamid and Tan Mei Yi. Unlocking the Earning Potential of TVET Graduates. Kuala Lumpur (Khazanah Research Institute, 2023)
11. Kajian Pembangunan Kerangka Penyelarasan Ekosistem TVET Malaysia (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021)
12. Kajian Pembangunan Pelan Induk Kebangsaan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Ke Arah Negara Maju (ILMIA, 2018)
13. Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025, Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi (Kementerian Ekonomi, 2022)
14. New Industrial Master Plan 2030 (Ministry of Investment, Trade and Industry, 2023)
15. National Energy Transition Roadmap, Energising the Nation, Powering Our Future (Ministry of Economy, 2023)
16. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 2025 (Pendidikan Tinggi)

17. Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 (Kementerian Pendidikan Tinggi)
  18. Pemerkasaan TVET di Malaysia Satu Tinjauan (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2020)
  19. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025, Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan (Unit Perancang Ekonomi, 2021)
  20. Rangka Kerja TVET 4.0 2018-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)
  21. Recommendations Towards Improving Technical and Vocational Education and Training in Malaysia (The Asia Foundation, 2022)
  22. Sofea Azhar Policy Brief Strengthening TVET capabilities in Malaysia, Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia
  23. The 2030 Agenda for Sustainable Development (United Nations Member States, 2015)
  24. Transforming Technical and Vocational Education and Training for Successful and Just Transitions (UNESCO Strategy 2022-2029)



# GLOSARI

AKRONIM	DEFINISI
ABM	Akademi Binaan Malaysia
ADTEC	Pusat Latihan Teknologi Tinggi
CIAST	Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
COPTPA	<i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation</i>
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKM	Institut Kemahiran MARA
ILP	Institut Latihan Perindustrian
KSP	Kajian Separuh Penggal
KV	Kolej Vokasional
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
MTUN	Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia
MTVET	Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara
NETR	<i>National Energy Transition Roadmap</i>
NIMP 2030	<i>New Industrial Master Plan 2030</i>
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

# **PENGHARGAAN**

Sekretariat Majlis TVET Negara merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada:


## **PENASIHAT**

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi  
Timbalan Perdana Menteri merangkap  
Pengerusi Majlis TVET Negara

## **KEMENTERIAN**

1. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
2. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
3. Kementerian Ekonomi
4. Kementerian Kerja Raya
5. Kementerian Dalam Negeri
6. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
7. Kementerian Pertahanan
8. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9. Kementerian Pendidikan Tinggi
10. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
11. Kementerian Pendidikan
12. Kementerian Belia dan Sukan
13. Kementerian Perladangan dan Komoditi
14. Kementerian Sumber Manusia

Serta semua agensi/industri/organisasi dan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan Dasar TVET Negara 2030 ini.





### SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA

Jabatan Perdana Menteri  
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA

603-88724859  
[sekretariatMTVET@jpm.gov.my](mailto:sekretariatMTVET@jpm.gov.my)

